

# Kepentingan penyelidik tempatan perbetulkan dapatan kajian pengkaji lain

Oleh YAP SIONG HAN

sionghan\_yap@yahoo.com  
UB 11.10.2011 A2

KOTA KINABALU:  
Adalah penting bagi negara-negara seperti Malaysia khususnya negeri Sabah agar mempunyai penduduk yang berpendidikan di samping dapat memperbetulkan

dapatan kajian penyelidik warga luar mengenai masyarakat tempatan mereka.

Profesor Emeritus Ethnomusicologist dari Universiti Hawaii, Ricardo D. Trimillos berkata, para cendekiawan dalam negeri boleh bertindak sebagai suara kepada masyarakat asli

pribumi tempatan serta akan berkhidmat sebagai pembekal maklumat yang dikemaskini dan betul mengenai komuniti masing-masing.

Katanya, mujurlah semakin banyak cendekiawan yang lahir di rantau Asia Tenggara termasuklah negara seperti Malaysia.

"Cendekiawan ini boleh berkongsi banyak perkara yang berkaitan dengan komuniti orang asli yang mana perkara yang dibincangkan ini hanya boleh diketahui melalui komuniti tersebut.

"Ciri-ciri yang hanya diketahui oleh pihak berkuasa tempatan termasuklah aspek-aspek yang berkaitan



**TERIMA KASIH...Trimillos (kanan) menerima cendera kenangan daripada Dekan SSS Prof Madya Inon Shaharuddin Abd Rahman ketika di seminar berkenaan.**

dengan tingkah laku dan penggunaan bahasa komuniti itu," katanya kepada pelajar-pelajar dari Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam satu seminar yang diadakan di sini kelmarin.

Beliau berkata, adalah penting bagi institusi pengajian tinggi seperti UMS melahirkan penyelidik tempatan dan seterusnya dikenali di peringkat antarabangsa.

"Perkara inilah yang harus diutamakan oleh UMS," tegasnya.

Sehingga kini katanya, Malaysia mempunyai tiga orang penyelidik yang

dikenali di peringkat antarabangsa dan salah seorang daripada mereka adalah ahli akademik, Dr Jacqueline Pugh Kitingan, yang telah mengkaji instrumen muzik tempatan selama beberapa tahun.

Pada masa yang sama, Ricardo juga menegaskan tentang kepentingan memupuk penyelidik muda dalam pelbagai bidang.

"Anda memerlukan generasi muda untuk meneruskan kerja-kerja yang telah dilakukan oleh senior mereka dan penyelidik muda ini juga mampu menyuntik idea-ide baru kedalam kajian mereka," tambahnya.